



Permodalan Nasional Berhad

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

17 Ogos 2020

Amanah Saham Bumiputera sambut ulang tahun ke-30

Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan untuk pelabur

KUALA LUMPUR, 17 Ogos 2020 – Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang diperkenalkan pada 2 Januari 1990 dan diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini meraikan ulang tahunnya yang ke-30 bertemakan “Aspirasi Anda, Amanah Kami”.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz dalam perutusan beliau berkata, “ASB telah berkembang menjadi tabung unit amanah terbesar negara dengan pelaburan yang meluas dalam pelbagai instrumen kewangan dan syarikat utama negara di Malaysia pada hari ini. Sepanjang tempoh 30 tahun ini juga, ASB telah memberi pulangan dividen dan bonus sebanyak RM151.9 bilion kepada pelabur, walaupun ada ketikanya berdepan krisis kewangan dan ekonomi yang sangat mencabar. Sempena Ulang Tahun ASB yang ke-30 ini, saya ingin menjemput anda semua untuk menyertai pelbagai peraduan dan kempen pelaburan yang kami anjurkan.”

ASB merupakan unit amanah yang kedua dilancarkan oleh PNB selepas pelancaran Sekim Amanah Saham Nasional (ASN) pada 1981. ASB mempunyai ciri-ciri unik yang berharga tetap iaitu RM1 dan hanya memerlukan pelaburan permulaan serendah RM10. Sehingga 15 Jun lalu, ASB mempunyai lebih 10 juta pemegang unit dengan 169 bilion unit dalam edaran.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Encik Ahmad Zulqarnain Onn turut merakamkan penghargaan kepada semua pelabur ASB yang setia bersama sepanjang tiga dekad. Menurut beliau, pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan demi kemudahan pelabur, “Dahulunya, pegawai ASB perlu turun padang ke kampung dan desa untuk memperkenalkan ASB dan merekod urus niaga pelabur dalam buku pelaburan secara

manual. Namun hari ini, kemudahan pelaburan ASB telah melalui evolusi yang bermula dari rangkaian ejen dan pejabat pos, kemudian ditingkatkan pula menerusi perbankan internet, dan terkini melalui portal dan aplikasi myASNB.”

“Pelabur juga kini boleh menamakan penerima untuk pelaburan mereka dalam ASB menerusi Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah. Kami berharap dengan kemudahan-kemudahan ini, lebih ramai lagi pelabur Bumiputera akan memilih ASB sebagai produk pelaburan pilihan mereka,” tambah Ahmad Zulqarnain.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad Hussin turut menjelaskan tujuan ASNB menganjurkan kempen dan peraduan pelaburan sempena sambutan ulang tahun ke-30 ini adalah bagi menghargai pelabur sedia ada dan juga untuk mendekati pelabur baharu. Beliau berharap kesemua 10 juta pelabur ASB akan mengambil peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan bagi merebut hadiah menarik yang bernilai lebih RM1 juta.

Kempen pertama ialah **‘Kumpul dan Menang’** yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM1 juta, manakala kempen kedua ialah **‘Jom Auto Labur’** yang menawarkan Proton Saga 1.3L Premium AT sebagai hadiah utama. Tempoh kempen ialah dari 1 Ogos hingga 17 Disember 2020.

Mohammad berkata, untuk peluang memenangi hadiah menerusi kempen **‘Kumpul dan Menang’**, peserta hanya perlu membuat pelaburan minimum RM30 untuk satu mata penyertaan atau 3 mata penyertaan jika pelaburan dibuat menerusi portal dan aplikasi myASNB.

Menerusi kempen **‘Jom Auto Labur’** pula, pengguna kemudahan Auto Labur@myASNB sedia ada hanya perlu menambah potongan bulanan minimum dalam ASB sebanyak RM30 daripada potongan sedia ada, manakala pengguna baharu pula perlu menetapkan potongan bulanan minimum RM60.

Untuk mula menggunakan kemudahan Auto Labur, pelabur perlu terlebih dahulu mendaftar dalam talian di www.myasnb.com.my untuk menjadi pengguna portal myASNB.

“Lebih banyak mata penyertaan yang dikumpul, lebih besarlah peluang untuk menang. Apa yang perlu dilakukan pelabur ialah melabur dalam ASB untuk mengumpul sebanyak

mungkin mata penyertaan. Inilah masa terbaik untuk mereka yang belum mempunyai akaun ASB untuk membuka pelaburan ASB,” tambah beliau lagi.

Bagi peraduan **Video Pendek ASB** pula, terdapat 4 kategori yang dianjurkan iaitu **LIGHTS, CAMERA, & ACTION, Detik Indah ASB, Cerita Labur Adik** dan **Cerita Labur Si Cilik** yang masing-masing menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM50,000, RM33,000, RM18,000 dan RM18,000. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 September 2020.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen pelaburan dan peraduan sempena sambutan Ulang Tahun ASB yang ke-30, sila layari <https://www.asnb.com.my/asb30tahun.php> atau imbas kod QR di bawah.



- Tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 258 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad